



**Pensyarah UPM** bergambar kenangan sempena kunjungan ke Taiwan, baru-baru ini.

## Meninjau model konservasi air, tanah di Taiwan

**Kuala Lumpur:** Sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) menyertai penyelidikan dua hala di National Pingtung University of Science and Technology (NPUST), Taiwan yang juga merupakan Sekretariat University Network for Tropical Agriculture (UNTA), baru-baru ini.

Penyelidikan jangka pendek itu bertujuan memberi pendedahan kepada pensyarah dalam bidang pertanian mengenai kaedah pembangunan tanah, pengurusan sisa buangan dan bahan organik di Taiwan, khususnya di kawasan pinggir bandar seperti Neipu.

Pensyarah Jabatan Pengurusan Tanah, Fakulti Pertanian UPM, Dr Daljit Singh, berkata antara perkara menarik yang dipelajari sepanjang kunjungan ke Taiwan itu ialah model konservasi air dan tanah oleh NPUST kerana pembinaan jalan raya yang dibuat turut mengambil kira pengaliran air.

Katanya, di beberapa lokasi yang tidak begitu tinggi kecerunannya, longkang dijadikan laluan kenderaan disebabkan kawasan yang agak sempit.

### **Kolam penampungan**

"Longkang dibuat berbentuk L supaya air hujan yang mengalir tidak melimpah ke jalan raya. Pada kawasan kecerunan agak tinggi dan curam pula, terdapat lubang



**Delegasi dari UPM** turut mempelajari mengenai penyelidikan berkaitan pembangunan tanah yang dibuat oleh NPUST.

sedalam satu hingga tiga meter dibina untuk memperlakan arus air.

"Rumah hijau di kawasan itu juga tidak dibina secara rata, tetapi mengikut kesesuaian topografi, manakala air hujan dikumpul di dalam kolam penampungan yang turut dijadikan kawasan rekreasi untuk pelajar," katanya.

Selain Dr Daljit, beberapa lagi pensyarah turut menyertai ekspedisi penyelidikan itu antaranya Dr Samsuri Abd Wahid, Prof Madya Dr Susilawati Kasim dan Dr Arina Shukor.

### **Pembinaan modul**

Berkongsi mengenai pembangunan tanah di Taiwan, pensyarah Jabatan Konservasi Air dan Tanah NPUST, Prof Madya Dr Jie-Lun Chiang, berkata kawasan penempatan di Neipu kebanyakannya adalah di tanah rata.

"Pemantauan dari segi pengaliran air amat penting kerana kawasan ini menerima hujan yang singkat tetapi taburan yang tinggi menyebabkan kawasan rendah mengalami banjir," katanya.

Beliau berkata, daerah Pingtung pula mengalami musim hujan yang agak panas, manakala musim kering yang berkelembapan tinggi dengan suhu tahunan antara 15°-33°C.

"Di makmal luar kelas, kami membina modul terbaik untuk mengawal pengaliran aliran di kawasan tinggi ke kawasan rendah.

"Di kawasan berkecerunan tinggi, kami membina longkang yang agak dalam bertujuan mengurangkan kelajuan pengaliran air hujan dari kawasan tinggi. Teknik ini juga dapat mengurangkan kesan hakisan serta pemendapan tanah di kawasan rendah," katanya.